



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 26 OKTOBER 2020

#### STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini, Malaysia mencatatkan bilangan kes pulih COVID-19 sebanyak **691 kes**. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah **17,825 kes** (64.1 peratus daripada jumlah keseluruhan kes). Pecahan kes yang telah pulih COVID-19 mengikut negeri adalah seperti berikut:

- Sabah (517 kes);
- Selangor (107 kes);
- Wilayah Persekutuan Labuan (30 kes);
- Pulau Pinang (20 kes);
- Negeri Sembilan (4 kes);
- Sarawak (4 kes);
- Melaka (3 kes);
- Perak (3 kes); dan
- Johor (3 kes).

## **STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA**

Pada hari ini, Negeri Sabah terus mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu 927 kes (74.8 peratus). Jumlah ini melonjak semula berikutan kes positif di Penjara Kepayan iaitu 439 kes. Ini berikutan lebih banyak pengesanan kes secara aktif dijalankan di negeri Sabah. Selain itu, mobilisasi petugas kesihatan telah banyak membantu usaha saringan di lapangan dan juga rawatan perubatan. Aspek logistik dan penghantaran sampel juga ditambahbaik bagi membolehkan keputusan ujian RTK-Ag dan RT-PCR dapat diperolehi dengan lebih cepat.

Manakala negeri-negeri di **Lembah Klang pula mencatatkan 194 kes** (15.6 peratus dari jumlah keseluruhan kes). Daripada 194 kes baharu ini, 120 kes (61.9 peratus) adalah daripada kluster-kluster sedia ada dan baharu. Untuk makluman, negeri-negeri ini dan juga negeri Sabah telah pun diletakkan dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Sejumlah **508 kes (41 peratus)** pada hari ini adalah daripada Kluster Penjara Kepayan (439 kes), Kluster Seberang Perai (57 kes), Kluster Benteng LD (7 kes), Kluster Penjara Tapah (4 kes) dan Kluster Tembok (1 kes). Kes-kes ini sememangnya **terasing** di dalam kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Secara keseluruhannya, sehingga 26 Oktober 2020 pukul 12:00 tengah hari, sebanyak **1,240 kes baharu** telah dilaporkan. Ini adalah kes harian tertinggi sejak permulaan pandemik yang menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **27,805 kes**. Manakala, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 pula adalah 9,744 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan daripada 1,240 kes baharu pada hari ini, terdapat dua (2) kes import yang mendapat **jangkitan dari luar negara** yang melibatkan bukan warganegara yang tiba dari negara;

- Rusia (1 kes di Selangor); dan
- Ukraine (1 kes di Wilayah Persekutuan Labuan).

Perincian kes penularan COVID-19 dalam negara adalah seperti berikut:

- **Sabah: 927 kes**

- 511 kes daripada kluster-kluster, termasuk 30 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Kapor**;
- 280 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 136 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Selangor: 176 kes**

- 109 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- 34 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 33 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pulau Pinang : 61 kes**

- 60 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
- Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

- **Negeri Sembilan : 25 kes**

- 12 kes daripada kluster-kluster termasuk empat (4) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Hampar**;
- Enam (6) kes saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Tujuh (7) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur : 17 kes**
  - 11 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - Dua (2) kes saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Empat (4) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Perak: Lapan (8) kes**
  - Enam (6) kes daripada kluster-kluster termasuk empat (4) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Penjara Tapah**; dan
  - Dua (2) kes saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
  
- **Sarawak : Tujuh (7) kes**
  - Lima (5) kes daripada kluster sedia ada; dan
  - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Wilayah Persekutuan Labuan: Lima (5) kes**
  - Satu (1) kes daripada kluster sedia ada;
  - Dua (2) kes saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Johor : Empat (4) kes**
  - Dua (2) kes saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
  - Satu (1) kes daripada kluster sedia ada; dan
  - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Kedah : Tiga (3) kes** daripada kluster-kluster sedia ada.
  
- **Terengganu: Tiga (3) kes** daripada kluster sedia ada.

- **Melaka** : Dua (2) kes daripada kluster sedia ada.

Sehingga kini, terdapat **94 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **31 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **tujuh (7) kes kematian** berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **236 kes** (0.9 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Ringkasan kes-kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

Kes No. Kematian	Kes No.	Negeri	Jantina (Warganegara)	Umur (tahun)	Hospital	Latar Belakang
230	14925	Sabah	Lelaki (WN)	67	Hospital Duchess of Kent	Sinusitis
231	15854	Sabah	Lelaki (WN)	71	Hospital Queen Elizabeth	Penyakit kencing manis, darah tinggi dan penyakit jantung
232	16508	Sabah	Perempuan (WN)	51	Hospital Queen Elizabeth	Penyakit kencing manis, darah tinggi dan dislipidemia
233	26212	Sabah	Lelaki (WN)	61	Hospital Tuaran	Orang Kelainan Upaya (buta)

234	25353	Sabah	Lelaki (BWN)	50	Hospital Queen Elizabeth	Penyakit darah tinggi, buah pinggang kronik dan penyakit jantung
235	27491	Sabah	Perempuan (BWN)	90	Hospital Duchess of Kent	-
236	27492	Sabah	Lelaki (BWN)	27	Hospital Tawau	-

\*WN merujuk kepada warganegara dan BWN bukan warganegara

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

### **TIGA (3) KLUSTER BAHARU DILAPORKAN HARI INI**

KKM ingin memaklumkan bahawa terdapat **tiga (3) kluster baharu** telah dikenal pasti pada hari ini iaitu;

#### **1) KLUSTER KAPOR**

Kluster baharu ini melibatkan daerah Kudat di negeri Sabah. Kes-kes bagi kluster ini telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan komuniti pelauh yang menetap di Kampung Tanjung Kapor dan telah mengesan sebanyak 46 kes positif COVID-19 pada 22 Oktober 2020. Kesemua kes telah dimasukkan ke Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) Kota Belud, Sabah.

Sehingga 26 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 127 individu telah disaring, di mana:

- 46 kes dikesan positif COVID-19 (**30 kes baharu**); dan
- 81 individu masih menunggu keputusan.

## 2) KLUSTER HAMPAR

Kluster baharu ini melibatkan daerah Rembau di Negeri Sembilan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-23736) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 21 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Rembau. Saringan kontak rapat telah mengenal pasti empat (4) lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 26 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 578 individu telah disaring, di mana:

- Lima (5) kes dikesan positif COVID-19 (**4 kes baharu**);
- 96 individu negatif; dan
- 477 individu masih menunggu keputusan.

## 3) KLUSTER PENJARA TAPAH

Kluster baharu ini melibatkan daerah Batang Padang di negeri Perak. Sebanyak 11 kes telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan yang dijalankan di Penjara Tapah bermula dari 12 Oktober 2020. Kesemua kes telah dimasukkan ke Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh dan Hospital Teluk Intan. Saringan kontak rapat telah mengenal pasti empat (4) lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 26 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 2,268 individu telah disaring, di mana:

- 11 kes dikesan positif COVID-19 (**4 kes baharu**);

- 1,820 individu negatif; dan
- 437 individu masih menunggu keputusan.

## **KONSEP YANG DIGUNAKAN DALAM PEMBERIAN NAMA BAGI KLUSTER BAHARU**

KKM mengambil maklum pandangan orang umum mengenai konsep yang digunakan KKM dalam menamakan kluster COVID-19. Untuk makluman semua, pemilihan nama kluster adalah berdasarkan latar belakang kes indeks bagi kluster tersebut. Nama kluster dipilih berdasarkan nama bangunan, taman atau jalan tempat kediaman atau tempat kerja kes indeks. Ini adalah bagi memastikan komunikasi berkesan di antara pihak-pihak yang terlibat dalam kawalan dan pengurusan kluster.

Selain itu, nama sesebuah kluster juga boleh dipilih bagi menggambarkan cara penyebaran jangkitan di antara kes indeks dan kontak rapat seperti; Kluster Auto yang menggambarkan jangkitan kluster di tempat kerja melibatkan pekerja di syarikat automotif dan Kluster Inai yang menggambarkan jangkitan kluster bermula daripada majlis berinai.

KKM sangat berhati-hati dalam pemilihan nama kluster bagi mengelakkan sebarang keresahan dan stigma kepada pesakit, penduduk setempat mahu pun organisasi yang terlibat. KKM juga sentiasa melakukan pengesanan kes secara aktif di lapangan bagi memastikan kesemua yang terlibat disaring dan diasingkan daripada komuniti sekiranya didapati positif jangkitan COVID-19.



Bagi masyarakat, adalah penting bagi mereka memahami bahawa **tindakan utama** yang boleh melindungi mereka daripada dijangkiti COVID-19 adalah dengan **mengamalkan segala nasihat** seperti yang sering dimaklumkan oleh KKM dan juga dengan **mematuhi segala Prosedur Amalan Standard (SOP)** yang ditetapkan. Cabaran utama bagi kita semua adalah dalam melaksanakannya dengan sebaik mungkin dan dipatuhi oleh semua individu dari segenap lapisan masyarakat.

### **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan. Jadikanlah nasihat-nasihat ini satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian:

- **Elakkan 3S / 3C** : iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak **sembang** atau bertutur dengan **jarak yang dekat (*Close conversation*)**.
- **Amalkan 3W** : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), memakai alat pelitup muka (*facemask*) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bergejala (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
  - Elakkan bersalaman / bersentuhan termasuk melagakan mana-mana bahagian tubuh badan sebagai menggantikan cara kebiasaan bersalam;
  - Amalkan etika batuk dan bersin;

- Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
- Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
- Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:

- **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);
- **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P** : Penjarakan fizikal (*physical distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter diamalkan pada setiap masa.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

26 Oktober 2020 @ 5.30 petang.

**LAMPIRAN 1****BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 26 OKTOBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>SABAH</b>	927	12,745
<b>SELANGOR</b>	177 (1)	4,145
<b>W.P. KUALA LUMPUR</b>	17	2,966
<b>KEDAH</b>	3	2,048
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	25	1,337
<b>JOHOR</b>	4	871
<b>SARAWAK</b>	7	803
<b>PULAU PINANG</b>	61	912
<b>PERAK</b>	8	473
<b>PAHANG</b>	0	392
<b>MELAKA</b>	2	310
<b>W.P. LABUAN</b>	6 (1)	270
<b>KELANTAN</b>	0	179
<b>TERENGGANU</b>	3	176
<b>W.P. PUTRAJAYA</b>	0	140
<b>PERLIS</b>	0	38
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1,240 (2)</b>	<b>27,805</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import

**Status Terkini Kluster Aktif Yang Mencatat Kes Positif Pada Hari Ini  
(26 Oktober 2020)**

	<b>Kluster</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah</b>	<b>Kes Baharu</b>	<b>Jumlah Kes</b>	<b>Jumlah Yang Disaring</b>	<b>Kes Aktif (Kes ICU)</b>	<b>Jumlah Sembuh</b>	<b>Jumlah Kematian</b>
<b>1</b>	<b>Penjara Kelayan</b>	<b>Sabah</b>	<b>Kota Kinabalu, Papar, Penampang</b>	<b>439</b>	<b>1,662</b>	<b>3,405</b>	<b>1,658 (0)</b>	<b>4</b>	<b>0</b>
<b>2</b>	<b>Penjara Seberang Perai</b>	<b>Pulau Pinang</b>	<b>Seberang Perai Selatan</b>	<b>57</b>	<b>255</b>	<b>2,895</b>	<b>208 (2)</b>	<b>47</b>	<b>0</b>
<b>3</b>	<b>Jaya</b>	<b>Negeri Sembilan, Selangor</b>	<b>Seremban, Sepang, Kuala Langat</b>	<b>46</b>	<b>55</b>	<b>96</b>	<b>55 (0)</b>	<b>0</b>	<b>0</b>
<b>4</b>	<b>Kaya</b>	<b>Negeri Sembilan, WP Putrajaya, Melaka, Selangor</b>	<b>Seremban, Putrajaya, Melaka Tengah, Sepang, Klang, Kuala Langat, Kuala Selangor, Petaling</b>	<b>45</b>	<b>122</b>	<b>618</b>	<b>122 (0)</b>	<b>0</b>	<b>0</b>
<b>5</b>	<b>Hentian</b>	<b>Selangor, WP Kuala Lumpur</b>	<b>Hulu Langat, Cheras, Titiwangsa</b>	<b>13</b>	<b>78</b>	<b>1,494</b>	<b>74 (0)</b>	<b>4</b>	<b>0</b>

6	Utama	Selangor, Melaka, WP Kuala Lumpur	Gombak, Hulu Langat, Petaling, Alor Gajah, Lembah Pantai, Titiwangsa, Kepong	9	226	888	53 (0)	173	0
7	Benteng LD	Sabah	Lahad Datu, Tawau, Sandakan, Kinabatangan, Tuaran	7	1,096	16,533	227 (0)	868	1
8	Cahaya	Selangor, Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur	Petaling, Tampin, Titiwangsa, Lembah Pantai, Kepong	6	37	309	35 (0)	2	0
9	Mesra	Sabah	Sandakan	6	33	116	25 (0)	7	1
10	Titir	Sabah	Keningau	5	28	316	28 (0)	0	0
11	Baki	Sarawak	Kuching	5	13	110	13 (0)	0	0
12	Ramai- Ramai	Sabah	Sandakan	4	245	771	118 (0)	127	0
13	Megah	Sabah	Sandakan, Kota Kinabalu	4	24	64	14 (0)	9	1

14	Teduh	Sabah	Lahad Datu	4	17	622	5 (0)	12	0
15	Simera	Terengganu, Pahang, Selangor, Negeri Sembilan, Perak, Johor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Kelantan	Besut, Kuantan, Petaling, Klang, Hulu Langat, Gombak, Port Dickson, Manjung, Hilir Perak, Johor Bahru, Lembah Pantai, Putrajaya, Tanah Merah	3	82	1,152	54 (0)	28	0
16	Tanamera	Sabah	Tawau	3	62	160	40 (0)	22	0
17	Melati	WP Kuala Lumpur, Selangor, Pahang, Perak	Titiwangsa, Kepong, Klang, Petaling, Hulu Langat, Kuantan, Bagan Datuk, Hilir Perak	3	26	276	24 (0)	2	0
18	Makekar	Terengganu, Selangor	Kemaman, Dungun, Kuala Terengganu, Marang, Klang	3	13	155	13 (0)	0	0

19	Bayan	Pulau Pinang	Timur Laut, Barat Daya, Seberang Perai Utara	3	9	383	9 (0)	0	0
20	Auto	Selangor, Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur & Putrajaya	Petaling, Klang, Kuala Langat, Sepang, Gombak, Hulu Langat, Seremban, Titiwangsa, Putrajaya	2	109	880	99 (0)	10	0
21	Tinusa	Sabah	Sandakan	2	36	589	35 (0)	1	0
22	Alma	Pulau Pinang, Perak, Kedah	Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan, Seberang Perai Utara, Kerian, Bandar Baharu	2	31	555	29 (1)	2	0
23	Jambul	Sabah	Sandakan	2	10	49	5 (0)	5	0
24	Tembok	Kedah, Perak	Kota Setar, Baling, Kuala Muda, Sungai Petani, Kubang Pasu, Padang Terap, Larut Matang & Selama	1	1,664	7,683	535 (4)	1126	3
25	Saguking	WP Labuan	Labuan	1	107	2,145	106 (0)	0	1

26	Menara	Selangor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Perak, Terengganu, Melaka	Hulu Langat, Petaling, Gombak, Klang, Sepang, Kuala Langat, Cheras, Titiwangsa, Lembah Pantai, WP Putrajaya, Larut Matang & Selama, Kuala Nerus, Melaka Tengah	1	77	526	59 (0)	18	0
27	Bah Manggis	Sabah, Selangor, Negeri Sembilan	Tawau, Kuala Langat, Seremban, Port Dickson	1	71	1,975	33 (0)	38	0
28	Inai	Sabah	Kudat	1	49	106	49 (0)	0	0
29	Surat	Sabah	Sandakan	1	45	175	18 (0)	27	0
30	Basung	Sabah	Kudat	1	30	644	30 (0)	0	0
31	Kertang	Sabah	Kota Belud	1	24	724	24 (0)	0	0
32	Kempas	Johor	Johor Bahru, Kulai, Pontian	1	23	406	23 (0)	0	0
33	Mentari	Selangor, Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur	Petaling, Klang, Gombak, Seremban, Kepong	1	18	94	17 (0)	1	0



34	Palma	Selangor, WP Kuala Lumpur	Gombak, Hulu Selangor, Kepong	1	14	107	12 (0)	2	0
35	Kolong	Sabah	Keningau	1	13	284	4 (0)	9	0
36	Sentral	WP Kuala Lumpur, Selangor	Kepong, Cheras, Titiwangsa, Lembah Pantai, Petaling	1	9	348	6 (0)	2	1